

18 DEC 1998

Mahkamah-Muhammad (Bergambar)

MUHAMMAD BERI TANAH DI BUKIT LANCONG KEPADA PEMANDU YANG SAKIT

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa sebidang tanah di Bukit Lancong, yang didakwa gagal diisytiharkannya kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR), telah dihadiahkan kepada pemandunya yang sakit.

Bekas Menteri Besar Selangor itu berkata tanah seluas 1.5 ekar itu, yang didaftarkan atas nama isterinya Puan Sri Asbi Rohani Asnan, telah diberikan kepada Rohmat Kasmawi, 46, pada Mac 1997, sebagai menghargai khidmatnya selama 11 tahun bersama beliau.

Muhammad berkata isterinya mencadangkan supaya tanah itu diberi kepada Rohmat memandangkan beliau tidak dapat lagi bekerja sebagai pemandu selepas diserang sakit jantung.

Apabila ditanya oleh peguambelanya, Muhammad Shafee Abdullah, adakah beliau dimaklumkan mengenai tanah itu sewaktu membuat pengisytiharan kepada BPR, Muhammad berkata: "Sewaktu saya berbincang untuk harta-harta yang perlu diisytiharkan, Puan Sri tidak mengingatkan saya mengenai tanah itu."

Menjawab soalan Shafee adakah beliau masih menganggap tanah itu kepunyaan Asbi apabila BPR menghantar notis pada 11 April 1997 untuk pengisytiharan harta, Muhammad berkata: "Sebagai seorang Islam, selepas melafazkan kata untuk memberi sebagai hadiah, pada kita tanah itu telah menjadi hak-milik Rohmat."

Muhammad, 53, berkata demikian dari kandang saksi dalam keterangan hari kedua membela diri terhadap tuduhan gagal mengisytiharkan semua harta miliknya dan keluarga mengikut Akta Pencegah Rasuah (APR) 1961.

Beliau menghadapi tuduhan gagal mengisytiharkan satu persatu harta alih atau tak alih kepunyaan beliau, isteri dan anak-anaknya seperti yang dikehendaki oleh Pendakwa Raya melalui notis mengikut Seksyen 25(1) (a) APR (Akta 57) bertarikh 10 April 1997.

Muhammad, yang menjadi MB mulai 1986 hingga April 1997, didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat Timbalan Pendakwa Raya, ibu pejabat BPR Malaysia, Persiaran Duta pada 26 Mei 1997.

Beliau dituduh mengikut Seksyen 25(2) APR (Akta 57) yang membawa hukuman maksimum penjara setahun atau denda RM2,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Dalam pemeriksaan balas oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Rahim Uda berhubung penjualan dua bidang tanah di Batang Kali kepada peguam Kamarudin Ahmad, Muhammad mengakui bahawa sebaik sahaja menerima bayaran muka 10 peratus daripada Kamarudin pada 11 Mac 1997, beliau telah menandatangani surat melupuskan hak ke atas tanah itu dan menyerahkan geran tanah kepada Kamarudin.

Apabila ditanya mengapa beliau terus memberi geran itu sedangkan Kamarudin baru membayar 10 peratus daripada harga tanah iaitu RM464,000, Muhammad berkata: "Kamarudin ialah kenalan keluarga dan saya yakin Kamarudin tidak akan lari...ketika itu saya adalah MB, jadi pada pandangan saya, beliau lebih memerlukan saya."

Apabila Abdul Rahim mendakwa beliau sengaja tidak mengisytiharkan harta-harta itu, Muhammad berkata: "There's no big deal... kerana nak mengisytiharkannya bukanlah satu perkara yang besar atau yang boleh mengubah keseluruhan kesan pengisytiharan harta saya."

"Tetapi oleh kerana Bukit Lancong dan kedua-dua harta di Batang Kali telah saya beri dan jual, ia bukan milik saya lagi," katanya.

Menjawab soalan berhubung pembelian dua bidang tanah secara tunai

bernilai RM369,800 di Batang Kali, Muhammad berkata, pembelian tanah itu dibayar oleh adiknya Datuk Raduan melalui dua keping cek.

Muhammad berkata beliau meminta Raduan membayar harga tanah itu sebagai duit muka untuk pembelian rumah di No 139, Jalan Athinahappan, di Taman Tun Dr Ismail sebanyak RM200,000 dan bakinya adalah untuk hal-hal lain.

Apabila ditanya oleh Abdul Rahim adakah beliau membuat urusanniaga dengan adiknya dalam syarikat Draland Sdn Bhd, Muhammad berkata beliau telah memindahkan saham 51 peratus milik beliau kepada adiknya apabila dilantik sebagai MB.

Menurutnya syarikat itu merupakan syarikat hartanah yang ditubuhkan pada 1984 di Melaka.

Semasa menjawab soalan Shafee mengenai berapa nilai pegangan 51 peratus itu, Muhammad berkata selepas dibuat penilaian harta sahaja, ia bernilai RM32 juta.

Beliau juga pernah mengisytiharkan harta itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Mac 1991 berikutan nasihat Dr Mahathir supaya semua MB mengisytiharkan harta mereka.

Mahkamah turut mendengar keterangan Asbi, yang mengakui telah menyerahkan geran dan menandatangani borang 14A untuk pindah milik tanah kepada pemandunya, Rohmat.

Perbicaraan disambung Isnin ini.

-- BERNAMA

KLS NAK